

**KHIDMAT GUNTING RAMBUT****Tiada kenaikan caj ketara dikesan**

**Georgetown:** Tiada kenaikan ketara harga perkhidmatan gunting rambut di Pulau Pinang sejak sektor itu dibenarkan beroperasi semula, selain penyedia perkhidmatan juga mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang Mohd Ridzuan Ab Ghaphar berkata, berdasarkan pemeriksaan ke atas 15 premis setakat ini, pihaknya mendapati pengusaha mampu menyerap kos tambahan susulan penguatkuasaan SOP itu.

"Setakat hari ini KPDNHEP Pulau Pinang tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga

perkhidmatan gunting rambut di negeri ini," katanya, semalam.

KPDNHEP sebelum ini dilaporkan hanya membentarkan penyedia perkhidmatan gunting rambut menganekan caj tambahan untuk dua barang kegunaan pelanggan iaitu alas gunting rambut pakai buang dan set sarung tangan.

Operator juga perlu memastikan caj tambahan itu berputatan dengan merujuk kos belian bagi memastikan pengguna tidak terbebani.

Mohd Ridzuan turut mengulang ingatan tindakan tegas bakal diambil terhadap peniaga yang menaikkan harga barang dan perkhidmatan sewenang-wenangnya. -Bernama



EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo mencuba perkhidmatan gunting rambut di Son&Dad Barber di Lebuh Acheh, semalam.